



# **Laporan Pemerhatian Pilihan Raya Kecil P078 Cameron Highlands**

**31 Januari 2019**

# Laporan Pemerhatian Pilihan Raya Kecil Cameron Highlands

## 1. Pengenalan

Pilihan Raya Kecil (PRK) P078 Cameron Highlands telah dijalankan berikutan mahkamah membatalkan keputusan Pilihan Raya Umum ke-14 bagi kerusi tersebut dan mengarahkan supaya pilihan raya diadakan semula. Hari penamaan calon PRK ditetapkan pada 12 Januari 2019 dan hari mengundi ditetapkan pada 26 Januari 2019.

Terdapat 4 calon yang bertanding dalam PRK ini, iaitu calon Barisan Nasional (BN) Ramli Mohd Nor, calon Pakatan Harapan (PH) M. Manogaran, calon bebas Wong Seng Yee dan Haji Sallehuddin Ab Talib.

BERSIH 2.0 telah menghantar 12 pemerhati pilihan raya yang terdiri daripada urusetia dan sukarelawan BERSIH 2.0 untuk menjalankan pemerhatian terhadap PRK tersebut.

BERSIH 2.0 telah menjalankan pemerhatian dalam

- 1) Proses penamaan calon
- 2) Kempen pilihan raya
- 3) Proses pengundian awal
- 4) Proses semakan isi peti undi
- 5) Proses pengundian dan pengiraan undi
- 6) Proses penjumlahan undi

Pemerhatian BERSIH 2.0 memberi fokus kepada masalah-masalah yang bertentangan dengan prinsip pilihan raya yang bersih dan adil dan kesalahan-kesalahan pilihan raya yang berlaku sepanjang pilihan raya.

BERSIH 2.0 telah mencatat 23 kes yang berkaitan dengan salah laku dan kesalahan pilihan raya. Pecahan kes mengikut kategori dan parti politik adalah seperti berikut:

Kategori salah laku dan kesalahan pilihan raya	PH	BN	PAS	Lain-lain	Jumlah kes
Beli undi dan pengaruh tidak wajar	2				2
Penjamuan		4			4
Penggunaan sumber kerajaan	1	2			3
Mengembangkan perasaan jahat atau permusuhan antara kaum dan agama		1	2	1	4
Berkempen pada hari mengundi	2	7			9

Lain-lain				1	1
Jumlah kes	5	14	2	2	23

## 2. Proses penamaan calon

BERSIH 2.0 telah menjalankan pemerhatian terhadap proses penamaan calon di SMK Sultan Ahmad Shah.

Pengasingan penyokong parti oleh pasukan polis kurang adil dan memuaskan kerana penyokong PH dibenarkan untuk berkumpul di luar pintu masuk pusat penamaan calon, manakala polis mengawal penyokong BN supaya berada di 50 meter daripada pintu pusat penamaan calon.

Secara keseluruhan, proses penamaan calon dijalankan dengan lancar.

## 3. Kempen pilihan raya

BERSIH 2.0 telah merakamkan sejumlah 12 isu yang berkenaan dengan salah laku yang bertentangan dengan prinsip pilihan raya bersih dan adil dan kesalahan pilihan raya sepanjang kempen pilihan raya.

### 3.1 Pakatan Harapan

BERSIH 2.0 telah mencatat 3 isu berkenaan dengan Pakatan Harapan (PH) melalui laporan berita dan media sosial.

1. Pada 11 Januari 2019, senator PH Bob Manolan memberi amaran kepada ketua-ketua kampung ataupun dikenali sebagai tok batin orang asli di Cameron Highlands bahawa mereka mungkin kehilangan gaji dan jawatan mereka jika tidak menyokong kerajaan persekutuan. Perbuatan tersebut merupakan pengaruh tidak wajar dan telah melanggar seksyen 9 Akta Kesalahan Pilihan Raya.  
(Sumber: <https://www.malaysiakini.com/news/459816>)
2. Pada 13 Januari 2019, terdapat gambar yang menunjukkan seorang wanita berbaju logo PH sedang mengagih wang kepada orang-orang yang berbaju sama. Hal ini menimbulkan persoalan sama ada perbuatan tersebut adalah penyogokan yang melanggar seksyen 10 Akta Kesalahan Pilihan Raya. PH kemudian menjelaskan bahawa pemberian wang tersebut adalah untuk makanan dan pengangkutan sukarelawan dan ia akan dimasukkan dalam penyata akaun kempen.  
(Sumber: <https://www.malaysiakini.com/news/460117>)
3. Pada 20 Januari 2019, sebuah kereta pacuan empat roda milik Jabatan Perhutanan Pahang didapati digunakan untuk kempen pilihan raya PH. Menurut Kerajaan Pahang, kereta

tersebut dipinjamkan kepada Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Tengku Zulpuri Shah Raja Puji untuk kegunaan rasmi. Hal ini menimbulkan persoalan penggunaan aset kerajaan untuk tujuan berkempen.

(Sumber: <https://www.malaysiakini.com/news/461348>)

BERSIH 2.0 juga memerhatikan beberapa menteri PH menjalankan lawatan kerja rasmi ke Cameron Highlands dan melibatkan dalam aktiviti berkempen, contohnya Menteri Sumber Manusia M. Kulasegaran, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli Dr Xavier Jayakumar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri P Waytha Moorthy, Menteri Pengangkutan Anthony Loke, Timbalan Perdana Menteri Wan Azizah, Menteri Kewangan Lim Guan Eng, Menteri Pertahanan Mohamad Sabu dan Menteri Hal Ehwal Ekonomi Mohamed Azmin Ali.

Hal ini merupakan penyalahgunaan sumber kerajaan untuk kempen politik. Menteri-menteri harus mengelakkan lawatan kerja rasmi selepas parlimen dibubarkan atau semasa sesebuah kerusi dikosongkan untuk menjaminkan '*level playing field*' yang sama rata antara calon.

### 3.2 Barisan Nasional

BERSIH 2.0 telah mencatat 5 isu berkenaan dengan Barisan Nasional (BN) melalui laporan berita dan media sosial.

1. Pada 9 Januari 2019, Menteri Besar Pahang Wan Rosdy Wan Ismail telah menyampaikan Bantuan Sekolah Rendah oleh Yayasan Pahang kepada 647 orang pelajar dari kawasan Jelai. Perbuatan tersebut ialah pengaruh tidak wajar yang melanggar seksyen 10 Akta Kesalahan Pilihan Raya.  
(Sumber: <https://www.facebook.com/wanrosdyOfficial/posts/2230839960465419>)
2. Pada 15 Januari 2019, pasukan kempen calon BN Ramli Mohd Nor memberi aiskrim percuma kepada penduduk di Pos Terisu ketika beliau melawat ke sana. Perbuatan membelanja makanan ketika berkempen merupakan kesalahan di bawah seksyen 8 Akta Kesalahan Pilihan Raya.  
(Sumber: <https://www.malaysiakini.com/news/460258>)
3. Pada 18 Januari 2019, Ketua Pemuda UMNO Asyraf Dusuki berkata dalam satu ceramah di Kampung Keledek bahawa sekiranya calon DAP menang, ia akan membawa mudarat lebih besar kepada Islam dan Melayu. Hal ini merupakan kesalahan di bawah seksyen 4A dan seksyen 9 Akta Kesalahan Pilihan Raya.  
(Sumber: <https://www.malaysiakini.com/news/460867>)
4. Pada 22 Januari 2019, terdapat makanan percuma dan persembahan 'live band' untuk 300 orang yang hadir di aktiviti kempen BN di Kampung Belau. Penjamuan dalam kempen pilihan raya merupakan satu kesalahan di bawah seksyen 8 Akta Kesalahan Pilihan Raya.  
(Sumber: <https://www.malaysiakini.com/news/461198>)

5. Pada 23 Januari 2019, Menteri Besar Pahang Wan Rosdy Wan Ismail telah menyampaikan 22 Permit Penggunaan Tanah Dalam Hutan Simpan kepada pekebun-pekebun kecil Cameron Highlands di Pejabat Daerah dan Tanah Lipis. Hal ini berkaitan dengan pengaruh tidak wajar yang merupakan kesalahan di bawah seksyen 9 Akta Kesalahan Pilihan Raya. (Sumber: <https://www.facebook.com/wanrosdyOfficial/posts/2239285566287525>)

### 3.3 Parti Islam Se-Malaysia (PAS)


BERSIH 2.0 telah mencatat 2 kes yang berkaitan dengan kesalahan pilihan raya yang dilakukan oleh Parti Islam Se-Malaysia (PAS).

1. Pada 18 Januari 2019, Ketua Pemuda PAS Muhammad Khalil Abdul Hadi mendakwa DAP mahu membuang Islam daripada agama rasmi negara ini dalam ceramahnya di Kampung Keledok. Hal ini merupakan kesalahan mengembangkan perasaan jahat atau permusuhan antara kaum di bawah seksyen 4A dan pengaruh tidak wajar di bawah seksyen 9 Akta Kesalahan Pilihan Raya. (Sumber: <https://www.malaysiakini.com/news/460867>)
2. Pada 25 Januari 2019, Presiden PAS Abdul Hadi Awang telah memuat naik sebuah video untuk menyaran pengundi supaya mengundi calon BN Ramli Mohd Nor. Dalam video tersebut, Abdul Hadi Awang berkata bahawa "*Kita minta supaya pengundi-pengundi khususnya bagi penganut agama Islam, wajib mereka menyokong calon yang ada sifat keagamaan, calon yang memegang tiket BN, yang kita kenal... Kita minta supaya kaum yang bukan Islam kalau mahu selamat, jangan undi DAP... Undi calon Islam ini, semua selamat. Orang Islam selamat, orang bukan Islam pun selamat.*" Mengikut seksyen 9 Akta Kesalahan Pilihan Raya, pengaruh tidak wajar terhadap kerohanian pengundi untuk menyalakan hak pemilihannya adalah satu kesalahan. (Sumber: <https://www.facebook.com/abdulhadiawang/videos/243507766564722/>)

### 3.4 Lain-lain

BERSIH 2.0 telah mencatatkan 2 kes kesalahan pilihan raya yang dilakukan oleh pihak yang tidak dapat dikenal pasti.

1. Pada 15 Januari 2019, laman Facebook Friends of BN - Pahang telah memuat naik gambar kertas undi PRK Cameron Highlands. Hal ini mungkin melanggar seksyen 3 Akta Kesalahan Pilihan Raya.



3. Pada 24 Januari 2019, Ketua Bahagian Bersatu Kampung Keledak, Amini Kashfi telah membuat laporan polis tentang risalah yang mengandungi perkataan “DAP Hindu/Hindraf bunuh Adib” yang didapati di masjid Sungai Koyan 1. Risalah tersebut berkaitan dengan kesalahan mengembangkan perasaan jahat atau permusuhan antara kaum di bawa seksyen 4A Akta Kesalahan Pilihan Raya.

(Sumber: <https://www.malaysiakini.com/news/461495>)

#### 4. Pengundian awal

BERSIH 2.0 telah menjalankan pemerhatian bagi pengundian awal di Balai Polis Brinchang. Beberapa masalah telah diperhatikan:

1. Kerani pengundian 2 telah melakukan kesilapan pada permulaan pengundian dengan mencelup jari tangan kanan pengundi pertama.
2. Pemerhati pilihan raya dan ejen tempat mengundi tidak dibenarkan untuk menjalankan pemerhatian untuk proses penyimpanan peti undi di dalam lokap polis. Mereka seharusnya dibenarkan masuk untuk menjalankan pemerhatian untuk menjamin ketelusan proses penyimpanan peti undi awal.

Secara keseluruhan, proses pengundian awal dijalankan dengan lancar.

#### 5. Pengundian biasa

BERSIH 2.0 telah menjalankan pemerhatian di 12 pusat mengundi di kawasan DUN Tanah Rata. Beberapa masalah telah diperhatikan:

##### 5.1 Ketidakpatuhan peraturan pilihan raya

BERSIH 2.0 telah mencatat 11 kes yang berkaitan dengan salah laku dan kesalahan pilihan raya pada hari mengundi, antaranya 9 kes berkempen pada hari mengundi dan 2 kes pemberian makanan percuma.

### 5.1.1 Berkempen pada hari mengundi

BERSIH 2.0 mendapati 8 kes yang berkaitan dengan barung dan pondok parti diwujudkan di luar pusat mengundi untuk membuat semakan daftar pemilih untuk pengundi. 7 barung semakan daftar pemilih BN telah didapati di luar pusat mengundi SJKT Ladang Boh Panas 2, SJKC Kea Farm, SJKC Kuala Terla, SJKT Ringlet, SMK Ringlet, SJKC Bertam Valley dan SK Kampung Raja, manakala 1 barung semakan daftar pemilih PH didapati di luar SK Kampung Raja. Walaupun demikian, kebanyakan barung dan pondok telah berhenti operasi selepas diberi nasihat oleh pasukan penguatkuasa kempen pilihan raya (PPKPR) atau pegawai SPR.

Calon PH M. Manogaran didapati memakai baju berlogo parti ketika melawat ke pusat mengundi pada hari mengundi. Tindakan memakai logo parti dalam jarak 50 meter dari pusat mengundi adalah merupakan kesalahan di bawah Seksyen 26(1)(g) Akta Kesalahan Pilihan Raya.

### 5.1.2 Makanan percuma di luar pusat mengundi

Makanan percuma diberi di pondok parti BN di luar pusat mengundi SJKC Kea Farm dan SJKT Ringlet.



Gambar menunjukkan penjamuan makanan di luar SJKT Ringlet.

### 5.2 Isu petugas pilihan raya

Di saluran 1 SJKT Ladang Boh 1, pegawai SPR yang bernama Encik Helmi tidak membenarkan ejen tempat mengundi (ETM) PH untuk diganti walaupun beliau telah menjalankan tugas selama 3 jam dari jam 8 hingga 11 pagi dan memenuhi syarat yang ditetapkan di subseksyen 14(1A) Akta Kesalahan Pilihan Raya. Menurut Encik Helmi, ETM hanya boleh diganti setiap 2 jam, iaitu pada jam 10 pagi, 12 tengah hari dan sebagainya.

Di saluran 1 SJKC Tringkap, kerani pengundian 2 mencelup jari pengundi sebelum kerani pengundian 1 habis membaca maklumat pengundi. Perkara yang sama masih berlaku walaupun pegawai SPR yang bertugas telah memberi nasihat kepada kerani pengundian 2 tersebut.

BERSIH 2.0 juga menerima aduan daripada orang awam bahawa kerani di barung di SK Lubong Kulit mencatat nama dan nombor bilangan setiap pengundi di kertas yang berasingan.



Gambar menunjukkan kerani barung SK Lubong Kulit mencatatkan nama dan nombor bilangan pengundi yang membuat semakan.

### 5.3 Kemudahan di pusat mengundi

*Ramp* yang disediakan di SJKC Kuala Terla terlalu kecil untuk kerusi roda, manakala *ramp* yang disediakan di SJK Kea Farm adalah tidak sesuai dan bahaya untuk pengguna kerusi roda.



Gambar menunjukkan *ramp* di SJKC Kuala Terla.



Gambar menunjukkan *ramp* di SJKC Kea Farm.

#### 5.4 Isu akses pemerhati kurang upaya

Polis di pusat mengundi SMK Sultan Ahmad Shah tidak membenarkan pemerhati daripada OKU Sentral yang berkerusi roda untuk membawa kereta ke dalam kawasan sekolah tersebut dengan alasan bahawa tiada arahan daripada pihak SPR.

## 6. Penjumlahan undi dan pengisytiharan keputusan rasmi

BERSIH 2.0 telah menjalankan pemerhatian terhadap proses penjumlahan undi dan pengisytiharan keputusan rasmi di SMK Sultan Ahmad Shah.

Kami mendapati pemimpin BN dibenarkan untuk memasuki ke pusat penjumlahan rasmi undi tanpa memakai sebarang pas. SPR harus memastikan individu yang dibenarkan sahaja untuk berada di dalam pusat penjumlahan undi supaya adil kepada semua pihak yang bertanding.

Secara keseluruhan, proses penjumlahan undi dan pengisytiharan keputusan rasmi dijalankan dengan lancar.

## 7. Kesimpulan

Secara keseluruhan, PRK Cameron Highlands dijalankan dengan lancar.

Beberapa penambahbaikan telah diperhatikan dalam PRK Cameron Highlands:

1. SPR telah mengeluarkan surat pematuhan peraturan kempen pilihan raya semasa tempoh berkempen dan hari mengundi dan surat Aku Janji kepada semua calon sebagai garis panduan berkempen.
2. SPR pertama kali menjalankan siaran langsung sepanjang proses penamaan calon, pengiraan undi di salah satu saluran di pusat mengundi SMK Sultan Ahmad Shah, penjumlahan undi dan sebagainya melalui laman Facebook. Inisiatif ini dapat menunjukkan ketelusan SPR dan meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap proses pilihan raya.
3. SPR menyediakan perkhidmatan menyemak borang penamaan calon kepada para calon sebelum hari penamaan calon.
4. Bilik gerakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) diwujudkan untuk menerima aduan dengan kerjasama SPR, Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Peguam Negara dan nombor talian aduan diumumkan untuk orang awam.
5. SPR telah menggantung banner yang menyeru orang ramai supaya keluar mengundi di pelbagai tempat di Cameron Highlands.
6. SPR telah membuat laporan polis mengenai kesalahan pilihan raya, termasuk insiden gambar kertas undi PRK Cameron Highlands yang tular di media sosial dan calon PH M. Manogaran yang memasuki pusat mengundi dengan memakai baju berlogo parti.

BERSIH 2.0 mengalu-alukan pelbagai penambahbaikan tersebut dan ingin memberi cadangan-cadangan tambahan seperti berikut:

1. SPR harus membuat laporan kepada pihak polis dan/atau SPRM mengenai kesalahan pilihan raya atau kesalahan lain supaya penyiasatan dijalankan.
2. SPR harus menjalankan pendidikan tentang undang-undang pilihan raya kepada calon-calon pilihan raya.
3. SPR harus menambahbaik perjalanan pilihan raya dengan menggunakan PRK sebagai "makmal pilihan raya" (*electoral labs*). SPR harus mencuba tempat mengundi alternatif atau cara mengundi untuk pengundi tidak hadir yang menetap di tempat yang jauh daripada kawasan mengundinya, contohnya membolehkan pengundi yang mendaftar di Cameron Highlands untuk mengundi di pusat mengundi di Kuala Lumpur atau Singapura.
4. Parti politik harus bersama membincangkan parameter pematuhan undang-undang pilihan raya yang sesuai dan mengenalpasti bahagian yang memerlukan reformasi undang-undang. BERSIH 2.0 sudi menganjurkan mesyuarat meja bulat untuk parti politik dan wakil rakyat untuk membincangkan isu-isu tersebut dan akan menjemput SPR untuk menganjur bersama supaya membawa kejelasan tentang undang-undang pilihan raya.
5. SPR harus diberi kuasa dalam penguatkuasaan undang-undang pilihan raya, termasuk kuasa untuk mengenakan denda ke atas calon atau pelanggar undang-undang pilihan raya bagi kesalahan ringan yang jelas, contohnya penjamuan aiskrim percuma di Pos Terisu dan makanan percuma di Kampung Belau, pemakaian baju berlogo parti di pusat mengundi dan sebagainya.
6. SPR harus memberi daftar pemilih dalam *soft copy* dalam format *database* yang mengandungi alamat penuh pengundi secara percuma supaya boleh diperiksa dengan mudah untuk organisasi yang menjadi pemerhati pilihan raya.
7. SPR harus menyediakan salinan peta sempadan kawasan pilihan raya yang jelas dalam *soft copy* secara percuma kepada organisasi yang menjadi pemerhati pilihan raya.
8. SPR harus memberi pas kemasukan untuk kenderaan pemerhati yang berkerusi roda atau kurang upaya supaya mereka boleh membawa kenderaan ke dalam pusat mengundi dan memudahkan pergerakan mereka.
9. SPR harus menugaskan kerani pengundian 4 di saluran 1 dan 2 pusat pengundi supaya mereka dapat memberi bantuan kepada pengundi warga emas dan orang kurang upaya tanpa mengganggu kerja ketua tempat mengundi.